

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mendapatkan SmartProtect You. Pastikan terma dan syarat am telah dibaca.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (93745-A) ("Syarikat")
Nama Produk : SmartProtect You (SPY-100)
Tarikh : <dd/mm/yyyy>

1. Apakah produk ini?

SmartProtect You (SPY-100) ialah pelan insurans berkaitan pelaburan ("ILP") yang menawarkan kombinasi perlindungan insurans dan pelaburan sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut. Pelan ini menyediakan manfaat yang akan dibayar apabila anda meninggal dunia atau Hilang Upaya Total dan Kekal ("TPD") berlaku.

Ia juga didatangkan dengan tambahan 1% jumlah asurans bagi setiap tahun polisi yang lengkap sehingga maksimum 40% tanpa kos tambahan, yang dibayar semasa kematian atau TPD berlaku, tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Nilai ILP bergantung pada harga yang mendasari unit, mengikut prestasi dana pilihan anda.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Jumlah asurans asas bagi pelan ini ialah RM<Basic Sum Assured>.

Table with 2 columns: Benefit Name and Description. Rows include: 1) Manfaat Kematian, 2) Manfaat TPD, 3) Jaminan Tidak Luput, 4) Manfaat Matang.

Table with 2 columns: Benefit Name and Description. Rows include: Manfaat Kemasukan Hospital dan Pembedahan, IL Hospitalisation Benefits Rider, and SmartMedic Shield-<150/250/400>-D.

SmartMedic Shield Extender			
Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Product bagi rider ini untuk maklumat lanjut.			
SmartMedic Shield Plus -<150/250/400>			
Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Product bagi rider ini untuk maklumat lanjut.			
Smart Health Protector -<200/300>-<500/2,500/5,000/20,000/20,000-R>			
Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Product bagi rider ini untuk maklumat lanjut.			
Smart Health Protector Plus -<200/300>-<500/2,500/5,000/20,000/20,000-R>			
Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Product bagi rider ini untuk maklumat lanjut.			
GREAT MediValue -200-<500/2,500/5,000/20,000/20,000>-<R>			
Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Product bagi rider ini untuk maklumat lanjut.			
GREAT MediValue Plus-200			
Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Product bagi rider ini untuk maklumat lanjut.			
GREAT MediValue Double Annual Limit -<5/15>			
Sila rujuk Risalah Pemberitahuan Product bagi rider ini untuk maklumat lanjut.			
Smart Critical Relief			
Menawarkan manfaat kemasukan hospital atau kemasukan Unit Rawatan Rapi ("ICU").		RM<sum assured>	
1) Manfaat Kejadian Kemasukan Hospital		Suatu peratusan daripada jumlah asurans rider akan dibayar jika hayat yang diasuranskan disahkan mengalami salah satu daripada keadaan di bawah.	
	Kategori	Bilangan Hari Kemasukan Hospital Minimum (berturut-turut)	Pembayaran Manfaat
		Kemasukan Hospital	ICU
	1	14*	5
	2	21	7
			100%
			200%
		*Berserta pembedahan utama.	
2) Manfaat Tambahan		Jika hayat yang diasuranskan dimasukkan ke hospital berserta pembedahan utama untuk sekurang-kurangnya 10 hari berturut-turut, 10% daripada jumlah asurans rider akan dibayar.	
3) Syarat Pembayaran Manfaat		<ul style="list-style-type: none"> • Bagi manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 2 dan manfaat tambahan, setiap manfaat akan dibayar sekali sahaja. • Manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 1 boleh dibayar sehingga dua kali, tertakluk pada tempoh menunggu selama 1 tahun antara tuntutan. • Manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 2 tertakluk pada penolakan pembayaran tuntutan bagi kejadian kemasukan hospital kategori 1. • Jika terdapat lebih daripada satu tuntutan kejadian yang layak dalam satu kemasukan hospital, hanya amaun tuntutan yang paling tinggi akan dibayar. • Rider akan ditamatkan apabila manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 1 telah dibayar sebanyak dua kali atau manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 2 telah dibayar. 	
Perlindungan maksimum		Sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut	

Manfaat Kejadian yang Dilindungi	
IL Critical Illness Benefit Rider	
Manfaat Kejadian yang Dilindungi	<p>RM<sum assured></p> <p>Manfaat akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus apabila salah satu daripada Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti arteri dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, iaitu pembayaran tuntutan adalah 10% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat).</p> <p>Selepas tuntutan di bawah rider ini, jumlah asurans asas akan dikurangkan mengikut amaun yang dibayar.</p> <p>Selepas tuntutan ke atas Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, jumlah asurans rider akan dikurangkan sewajarnya. Sebagai tambahan, tuntutan ke atas Kejadian yang Dilindungi lain masih dibenarkan, tertakluk pada</p>

	baki amaun jumlah asurans rider.	
Perlindungan maksimum	Sehingga umur 99 tahun hari jadi berikut	
IL Critical Illness Plus Rider		
Manfaat Kejadian yang Dilindungi	RM<sum assured> Manfaat akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus apabila salah satu daripada Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, iaitu pembayaran tuntutan adalah 10% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat). Selepas tuntutan ke atas Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, jumlah asurans rider akan dikurangkan sewajarnya. Sebagai tambahan, tuntutan ke atas Kejadian yang Dilindungi lain masih dibenarkan, tertakluk pada baki amaun jumlah asurans rider.	
Perlindungan maksimum	Sehingga umur 80 tahun hari jadi berikut	
Smart Early Payout CriticalCare		
Manfaat Kejadian yang Dilindungi	RM<sum assured> Apabila sebarang Kejadian yang Dilindungi berlaku, suatu peratusan jumlah asurans (bergantung pada tahap Kejadian yang Dilindungi) akan dibayar. Semasa tuntutan di bawah rider ini, jumlah asurans bagi pelan asas dan IL Critical Illness Benefit Rider akan dikurangkan mengikut amaun yang dibayar.	
Tahap	Tahap 10	Tahap 25
1) Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan (Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari)	10% daripada jumlah asurans, sehingga maksimum RM25,000 bagi setiap hayat yang diasuranskan	
2) Tumor Otak Benigna		25% daripada jumlah asurans, sehingga maksimum RM50,000 bagi setiap hayat yang diasuranskan
3) Pembedahan Injap Jantung		
4) Pembedahan Aorta		
5) Kegagalan Buah Pinggang		25% daripada jumlah asurans bagi setiap hayat yang diasuranskan
6) Trauma Kepala yang Teruk		
7) Terbakar Teruk		
8) Pemindahan Organ Utama		
9) Lumpuh/ Paraplegia		
10) Penyakit Parkinson		
Tahap	Tahap 25	Tahap 50
11) Kanser	25% daripada jumlah asurans, sehingga maksimum RM50,000 bagi setiap hayat yang diasuranskan	50% daripada jumlah asurans, sehingga maksimum RM100,000 bagi setiap hayat yang diasuranskan
12) Buta	25% daripada jumlah asurans, sehingga maksimum RM50,000 bagi setiap hayat yang diasuranskan	50% daripada jumlah asurans bagi setiap hayat yang diasuranskan
13) Penyakit Hati yang Kronik		
14) Serangan Jantung		
15) Hilang Pendengaran/ Pekak		
16) Penyakit Arteri Koronari Lain yang Serius		
17) Penyakit Paru-Paru yang Kronik	25% daripada jumlah asurans bagi setiap hayat yang diasuranskan	50% daripada jumlah asurans bagi setiap hayat yang diasuranskan
18) Koma		
19) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer		
20) Strok		
Perlindungan maksimum	Sehingga umur 70 tahun hari jadi berikut	
IL LadyCare Rider		
Manfaat Kejadian yang Dilindungi	RM<sum assured>	
1) Kanser wanita	100% daripada jumlah asurans	
2) Lupus Erythematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis	100% daripada jumlah asurans	
3) Karsinoma in situ pada payudara atau organ dalaman wanita	30% daripada jumlah asurans	
4) Pembedahan pembaikan semula muka akibat	30% daripada jumlah asurans	

kemalangan							
5) Rawatan kulit yang diperlukan kerana terbakar akibat kemalangan atau kanser kulit	30% daripada jumlah asurans						
6) Prosedur pembedahan wanita berkaitan payudara atau organ dalaman wanita							
• Lumpektomi Payudara – Unilateral	10% daripada jumlah asurans						
• Lumpektomi Payudara – Bilateral	15% daripada jumlah asurans						
• Mastektomi	25% daripada jumlah asurans						
• Pembedahan Pembaikan Semula Payudara	30% daripada jumlah asurans						
• Histerektomi Keseluruhan, Histerektomi Radikal, Vulvektomi Radikal, Eksenterasi Pelvis Keseluruhan	30% daripada jumlah asurans						
Perlindungan maksimum	Sehingga umur 75 tahun hari jadi berikut						
Smart Multi Critical Care							
Beberapa tuntutan akan dibayar apabila salah satu daripada kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Awal, Peringkat Pertengahan dan Peringkat Akhir berlaku. Selain itu, jumlah asurans tambahan juga dibayar apabila kejadian Manfaat Khas berlaku.	RM<sum assured>						
1) Manfaat Kejadian yang Dilindungi	Jumlah asurans keseluruhan rider yang boleh dibayar adalah sehingga: i. 800% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada RM5,000,000 setiap hayat* sebelum umur 85 tahun hari jadi berikut; ii. 100% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada RM5,000,000 setiap hayat* pada atau selepas umur 85 tahun hari jadi berikut. * Mengikut agregat semua manfaat penyakit kritikal yang boleh dibayar di bawah semua polisi (tidak termasuk polisi Bankasurans dan Berkelompok) yang dikeluarkan Syarikat.						
• Peratusan jumlah asurans rider yang akan dibayar apabila salah satu daripada kejadian yang dilindungi berlaku	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Peringkat Awal</th> <th>Peringkat Pertengahan</th> <th>Peringkat Akhir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>50%, tertakluk pada RM300,000 setiap tuntutan bagi rider ini</td> <td></td> <td>100% (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, iaitu pembayaran tuntutan adalah 10% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat)</td> </tr> </tbody> </table>	Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir	50%, tertakluk pada RM300,000 setiap tuntutan bagi rider ini		100% (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, iaitu pembayaran tuntutan adalah 10% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat)
Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan	Peringkat Akhir					
50%, tertakluk pada RM300,000 setiap tuntutan bagi rider ini		100% (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari, iaitu pembayaran tuntutan adalah 10% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada maksimum RM25,000 bagi setiap hayat)					
• Syarat Pembayaran Manfaat	<ul style="list-style-type: none"> Maksimum 4 tuntutan dibenarkan bagi kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan. Hanya 1 tuntutan akan dibayar bagi setiap peringkat kategori kejadian yang dilindungi yang sama. Selepas tuntutan dibenarkan, tiada tuntutan masa depan boleh dibuat bagi tahap yang sama atau tahap yang lebih rendah untuk kategori kejadian yang dilindungi yang sama. Amaun maksimum yang boleh dibayar bagi setiap kategori kejadian yang dilindungi adalah 100% jumlah asurans rider, kecuali Kanser, Serangan Jantung dan Strok. Jika hayat yang diasuranskan baru didiagnosis dengan Kanser, Serangan Jantung dan Strok iaitu kejadian kedua atau berasingan yang tidak berpunca daripada kejadian sebelumnya, sebelum umur 85 tahun hari jadi berikut, amaun tambahan sehingga 100% jumlah asurans rider bagi setiap kejadian yang dilindungi iaitu Kanser, Serangan Jantung dan Strok akan dibayar. Jumlah maksimum yang boleh dibayar bagi Kanser, Serangan Jantung dan Strok adalah 400% daripada jumlah asurans rider mengikut agregat. 						
2) Manfaat Khas	Peratusan tambahan jumlah asurans rider akan dibayar apabila salah satu daripada kejadian Manfaat Khas berlaku dan pembayaran tersebut tidak menjejaskan Manfaat Kejadian yang Dilindungi.						
2.1 Manfaat Pemulihan Diabetes	20% daripada jumlah asurans rider akan dibayar sekiranya kejadian berikut berlaku:						

	<ul style="list-style-type: none"> i. Pembedahan untuk Retinopati Diabetes Jenis 2; ii. Pemotongan Anggota disebabkan Komplikasi Diabetes Jenis 2; iii. Nefropati Diabetes Teruk yang menyebabkan Kegagalan Buah Pinggang; atau iv. Koma akibat Diabetes <p>Maksimum satu tuntutan dibenarkan di bawah Manfaat Pemulihan Diabetes. Manfaat akan dihentikan pada umur 85 tahun hari jadi berikut.</p>
2.2 Manfaat Penyakit Mental	<p>20% daripada jumlah asurans rider, tertakluk pada maksimum RM150,000 setiap hayat di bawah polisi ini akan dibayar sekiranya kejadian berikut berlaku:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Gangguan Kemurungan Utama yang Teruk (MDD); ii. Gangguan Bipolar I; iii. Gangguan Obsesif-Kompulsif (OCD) yang Teruk; iv. Skizofrenia; atau v. Gangguan Skizoafektif <p>Maksimum satu tuntutan dibenarkan di bawah Manfaat Penyakit Mental.</p>
2.3 Quadriplegia Keseluruhan akibat Kecederaan Saraf Tunjang	<p>20% daripada jumlah ansurans rider akan dibayar apabila didiagnosis Quadriplegia Keseluruhan akibat Kecederaan Saraf Tunjang.</p> <p>Maksimum satu tuntutan dibenarkan di bawah Quadriplegia Keseluruhan akibat Kecederaan Saraf Tunjang.</p>
Perlindungan maksimum	Sehingga umur <80/100> tahun hari jadi berikut

Manfaat Penepian dan Pembayar**IL Premium Waiver on CI Rider**

Premium yang akan diketepikan apabila Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) berlaku

RM<total premium waived> setahun

Nota: Selepas penepian premium bagi rider ini, jumlah premium yang telah diketepikan akan tetap tidak berubah. Oleh itu, jika terdapat sebarang peningkatan caj insurans bagi pelan asas atau sebarang rider, atau pengurangan kelangsungan sebenar bagi polisi, anda mungkin perlu melakukan penambahan premium tetap atau penambahan premium tunggal bagi menampung perbezaan antara jumlah premium yang telah diketepikan dan premium yang disemak semula demi kelangsungan polisi yang lebih baik.

Perlindungan maksimum

Sehingga umur 99 tahun hari jadi berikut

IL Waiver of Premium on TPD Rider

Premium yang akan diketepikan apabila TPD berlaku

RM<total premium waived> setahun

Nota: Selepas penepian premium bagi rider ini, jumlah premium yang telah diketepikan akan tetap tidak berubah. Oleh itu, jika terdapat sebarang peningkatan caj insurans bagi pelan asas atau sebarang rider, atau pengurangan kelangsungan sebenar bagi polisi, anda mungkin perlu melakukan penambahan premium tetap atau penambahan premium tunggal bagi menampung perbezaan antara jumlah premium yang telah diketepikan dan premium yang disemak semula demi kelangsungan polisi yang lebih baik.

Perlindungan maksimum

Sehingga umur 70 tahun hari jadi berikut

IL Premium Waiver Extra Rider

Premium yang akan diketepikan apabila TPD atau Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) berlaku

RM<total premium waived> setahun

Nota: Selepas penepian premium bagi rider ini, jumlah premium yang telah diketepikan akan tetap tidak berubah. Oleh itu, jika terdapat sebarang peningkatan caj insurans bagi pelan asas atau sebarang rider, atau pengurangan kelangsungan sebenar bagi polisi, anda mungkin perlu melakukan penambahan premium tetap atau penambahan premium tunggal bagi menampung perbezaan antara jumlah premium yang telah diketepikan dan premium yang disemak semula demi kelangsungan polisi yang lebih baik.

Perlindungan maksimum

Sehingga umur 99 tahun hari jadi berikut

IL Payer Benefit Extra Rider	
Premium yang akan diketepikan apabila pembayar meninggal dunia atau mengalami TPD atau Kejadian yang Dilindungi (kecuali Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari) berlaku	RM<total premium waived> setahun Nota: Selepas penepian premium bagi rider ini, jumlah premium yang telah diketepikan akan tetap tidak berubah. Oleh itu, jika terdapat sebarang peningkatan caj insurans bagi pelan asas atau sebarang rider, atau pengurangan kelangsungan sebenar bagi polisi, anda mungkin perlu melakukan penambahan premium tetap atau penambahan premium tunggal bagi menampung perbezaan antara jumlah premium yang telah diketepikan dan premium yang disemak semula demi kelangsungan polisi yang lebih baik.
Perlindungan maksimum	Sehingga pembayar berumur 99 tahun hari jadi berikut jika hayat yang diasuranskan adalah individu dewasa atau sehingga hayat yang diasuranskan berumur 25 tahun hari jadi berikut jika hayat yang diasuranskan adalah kanak-kanak

Manfaat Kemalangan	
IL Accidental Death and Dismemberment Benefits Rider	
Manfaat Kemalangan	RM<sum assured> termasuk insentif pembaharuan, iaitu insentif pembaharuan adalah 5% daripada jumlah asurans bagi setiap tahun polisi, sehingga maksimum 50%.
1) Kematian akibat Kemalangan	100% daripada Manfaat Kemalangan
2) Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam)	200% daripada Manfaat Kemalangan
3) Elaun Ihsan bagi Kematian akibat Kemalangan	5% daripada jumlah asurans, sehingga maksimum RM5,000
4) TPD akibat Kemalangan	100% daripada Manfaat Kemalangan
5) Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan	
• Kehilangan Penglihatan Kedua-dua Belah Mata	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Kanta pada Sebelah Mata	50% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Kedua-dua Belah Anggota	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Sebelah Anggota	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pertuturan dan Pendengaran	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Lumpuh Keseluruhan	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pendengaran pada Kedua-dua Telinga	75% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pendengaran pada Sebelah Telinga	25% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pertuturan	50% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Empat Jari Tangan dan Ibu Jari	70% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Empat Jari Tangan	40% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Sebelah Ibu Jari (Kedua-dua Falanks)	30% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Sebelah Ibu Jari (Satu Falanks)	15% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Tangan (Ketiga-tiga Falanks)	10% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Tangan (Kedua-dua Falanks)	7.5% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Tangan (Satu Falanks)	5% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Kaki (Semua pada Sebelah Kaki)	15% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Kaki (Ibu Jari Kaki dengan Kedua-dua Falanks)	5% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Kaki (Ibu Jari Kaki dengan Satu Falanks)	3% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Mana-mana Jari Kaki	2% daripada Manfaat Kemalangan
• Patah Kaki atau Patela Tidak Bersambung Selepas 26 Minggu dari tarikh kemalangan	10% daripada Manfaat Kemalangan
• Pemendekan Kaki sekurang-kurangnya 5cm	7.5% daripada Manfaat Kemalangan
Perlindungan maksimum	Sehingga umur 70 tahun hari jadi berikut
IL Comprehensive Accident Benefits Xtra Rider	

Manfaat Kemalangan	RM<sum assured> termasuk insentif pembaharuan, iaitu insentif pembaharuan adalah 5% daripada jumlah asurans bagi setiap tahun polisi, sehingga maksimum 50%.
1) Kematian akibat Kemalangan	100% daripada Manfaat Kemalangan
2) Kematian akibat Kemalangan (Pengangkutan Awam)	200% daripada Manfaat Kemalangan
3) Elaun Ihsan bagi Kematian akibat Kemalangan	5% daripada jumlah asurans, sehingga maksimum RM5,000
4) TPD akibat Kemalangan	100% daripada Manfaat Kemalangan
5) Hilang Upaya Kekal akibat Kemalangan	
• Kehilangan Penglihatan Kedua-dua Belah Mata	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Kanta pada Sebelah Mata	50% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Kedua-dua Belah Anggota	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Sebelah Anggota	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pertuturan dan Pendengaran	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Lumpuh Keseluruhan	100% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pendengaran pada Kedua-dua Telinga	75% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pendengaran pada Sebelah Telinga	25% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Pertuturan	50% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Empat Jari Tangan dan Ibu Jari	70% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Empat Jari Tangan	40% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Sebelah Ibu Jari (Kedua-dua Falanks)	30% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Sebelah Ibu Jari (Satu Falanks)	15% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Tangan (Ketiga-tiga Falanks)	10% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Tangan (Kedua-dua Falanks)	7.5% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Tangan (Satu Falanks)	5% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Kaki (Semua pada Sebelah Kaki)	15% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Kaki (Ibu Jari Kaki dengan Kedua-dua Falanks)	5% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Jari Kaki (Ibu Jari Kaki dengan Satu Falanks)	3% daripada Manfaat Kemalangan
• Kehilangan Penggunaan Mana-mana Jari Kaki	2% daripada Manfaat Kemalangan
• Patah Kaki atau Patela Tidak Bersambung Selepas 26 Minggu dari tarikh kemalangan	10% daripada Manfaat Kemalangan
• Pemendekan Kaki sekurang-kurangnya 5cm	7.5% daripada Manfaat Kemalangan
6) Hilang Upaya Total yang Sementara akibat Kemalangan	Tanggung rugi mingguan sebanyak RM7.50 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans sehingga 52 minggu, dalam agregat dengan perkara 7 berikut.
7) Hilang Upaya Separa yang Sementara akibat Kemalangan	Tanggung rugi mingguan sebanyak RM1.75 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans sehingga 52 minggu, dalam agregat dengan perkara 6 di atas.
8) Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan untuk Pembedahan, Hospital, Klinik atau Khidmat Kejururawatan di Rumah	RM25 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans, tertakluk pada maksimum RM3,000 bagi setiap kemalangan.
9) Kemasukan Hospital di Hospital Kerajaan Malaysia akibat Kemalangan	Tanggung rugi mingguan sebanyak RM3 bagi setiap RM1,000 jumlah asurans sehingga 25 minggu.
Perlindungan maksimum	Sehingga umur 70 tahun hari jadi berikut

Nota: Manfaat di atas tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam kontrak polisi.

Dana Unit yang Dipilih:

Tahun Polisi		
Dari	Hingga	

Peringatan: Sila baca risalah pernyataan dana kerana ia memberi penerangan berkenaan objektif dana berkaitan pelaburan. Pemilihan pelan atau kombinasi dana yang sesuai dengan matlamat kewangan dan profil risiko anda adalah penting.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

- Anggaran premium keseluruhan yang anda perlu bayar dinyatakan dalam jadual di bawah:

Umur Hari Jadi Berikut pada Akhir Tahun Polisi	Anggaran Premium Keseluruhan <Premium Mode>

- Tempoh pembayaran premium: <Premium payment term> tahun atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Nota:

- (a) Premium keseluruhan yang anda perlu bayar dan terma polisi mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Syarikat.
- (b) Syarikat memperuntukkan sebahagian premium untuk membeli unit dalam dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sebarang premium yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara dan perbelanjaan lain oleh Syarikat. Anda dinasihatkan untuk merujuk kadar peruntukan yang dinyatakan dalam ilustrasi jualan.
- (c) Jika kelangsungan sebenar polisi anda akan berkurangan disebabkan semakan semula caj insurans, Syarikat boleh menyemak semula premium pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 3 bulan terlebih dahulu kepada anda. Namun, Syarikat boleh menyemak semula premium pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 30 hari terlebih dahulu kepada pemilik polisi disebabkan semakan semula caj insurans bagi <GREAT MediValue, GREAT MediValue Plus (jika ada) dan GREAT MediValue Double Annual Limit (jika ada)/Smart Health Protector dan Smart Health Protector (jika ada)>.
- (d) Anggaran premium keseluruhan di atas adalah berdasarkan andaian berikut:
 - Anda membayar premium semasa dan premium baharu yang perlu dibayar dengan berterusan serta tiada penarikan balik sebahagian atau awal pada masa hadapan;
 - Caj insurans dan yuran polisi adalah berdasarkan tahap semasa pada tarikh ia diilustrasikan. Namun, caj insurans anda mungkin meningkat berdasarkan umur hari jadi berikut yang dicapai dan mungkin menyebabkan penolakan unit yang lebih tinggi daripada jumlah nilai pelaburan berbanding premium yang diperuntukkan semasa tempoh polisi anda berkuat kuasa;
 - Premium yang dibayar tidak menjamin kelangsungan polisi kerana nilai unit dana mungkin turun di bawah amaun premium yang telah dibayar, bergantung pada prestasi yang mendasari aset;
 - Tiada perubahan bagi perlindungan polisi anda seperti penambahan atau pengurangan rider dan/atau jumlah asurans.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- Caj insurans ditolak secara bulanan daripada nilai unit anda. Caj insurans akan meningkat seiring dengan umur anda. Huraian caj insurans dan caj lain bagi ILP dinyatakan dalam ilustrasi jualan.
- Caj insurans adalah tidak dijamin dan mungkin disemak semula dari semasa ke semasa. Syarikat berhak menyemak semula caj insurans pada ulang tahun polisi, iaitu semakan semula (jika ada) akan menggambarkan pengalaman tuntutan kami, kos rawatan perubatan, kemajuan teknologi perubatan atau keadaan lain yang wajar. Perubahan tersebut akan digunakan pada semua polisi tanpa mengambil kira pengalaman tuntutan individu.
- Cukai perkhidmatan semasa yang dikenakan kerajaan akan ditambah pada premium yang dinyatakan dalam soalan 3 di atas, bagi premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan selain daripada Syarikat.

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan untuk membuat pendedahan - Anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul.
- Tempoh memerhati bebas - Anda boleh membatalkan polisi dengan memulangkan polisi insurans dalam tempoh 15 hari selepas menerimanya. Syarikat akan membayar balik premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) mengikut harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya, sebarang caj insurans serta yuran polisi yang dikenakan setelah ditolak sebarang bayaran perubatan yang ditanggung.
- Jumlah nilai pelaburan - Jumlah nilai pelaburan ILP bergantung pada prestasi dana berkaitan pelaburan yang dipilih. Lebih tinggi perlindungan insurans yang dipilih, lebih banyak unit akan digunakan untuk membayar caj insurans dan unit yang tinggal hanya sedikit bagi mengumpul jumlah nilai pelaburan di bawah pelan anda.
- Tempoh tenggang - Anda mempunyai tempoh tenggang selama 30 hari dari setiap tarikh premium berikut perlu dibayar untuk membayar premium berikutnya.
- Polisi luput - Tertakluk pada Jaminan Tidak Luput, ILP akan luput apabila nilai unit pelaburan tidak mencukupi bagi membayar insurans dan caj lain.
- Prosedur tuntutan – Sila layari greateasternlife.com/my bagi maklumat lebih lanjut berkenaan prosedur tuntutan Syarikat.
- Tempoh menunggu – Kelayakan bagi manfaat di bawah polisi hanya akan bermula selepas tempoh menunggu yang dikira dari tarikh risiko berkuat kuasa telah tamat.

Nama Pelan	Keadaan	Tempoh Menunggu
IL Hospitalisation Benefits Rider	Manfaat kemasukan hospital	30 hari
Smart Critical Relief	Manfaat kejadian kemasukan hospital dan manfaat	30 hari

	tambahan (kecuali akibat kemalangan)	
	Manfaat kejadian kemasukan hospital dan manfaat tambahan akibat penyakit tertentu	120 hari
	Untuk beberapa tuntutan: Semua tuntutan antara manfaat kejadian kemasukan hospital kategori 1	1 tahun
IL Critical Illness Benefit Rider	1) Kanser 2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3) Serangan Jantung 4) Penyakit Arteri Koronari Serious 5) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari
IL Critical Illness Plus Rider	1) Kanser 2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3) Serangan Jantung 4) Penyakit Arteri Koronari Serious 5) Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari
Smart Early Payout CriticalCare	Kanser	120 hari
	1) Serangan Jantung 2) Penyakit Arteri Koronari Lain yang Serious 3) Penyakit Arteri Koronari yang Memerlukan Pembedahan (Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari)	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari
IL LadyCare Rider	Karsinoma in situ pada payudara atau organ dalaman wanita	120 hari
	1) Kanser wanita 2) Rawatan kulit akibat kanser kulit malignan 3) Prosedur pembedahan wanita berkaitan payudara atau organ dalaman wanita	60 hari
	Lupus Erythematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis	30 hari
Smart Multi Critical Care	Dari tarikh risiko berkuatkuasa bagi rider: 1) kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan 2) kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Akhir berikut: • Kanser • Pembedahan Pintasan Arteri Koronari • Serangan Jantung • Penyakit Arteri Koronari Serious • Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari 3) Manfaat Pemulihan Diabetes 4) Manfaat Penyakit Mental 5) Quadriplegia Keseluruhan Akibat Kecederaan Saraf Tunjang	60 hari
	Dari tarikh risiko berkuatkuasa bagi rider: Semua kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Akhir kecuali Kanser, Pembedahan Pintasan Arteri Koronari, Serangan Jantung, Penyakit Arteri Koronari Serious serta Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	30 hari
	Untuk beberapa tuntutan: 1) Tuntutan pertama dan kedua bagi Serangan Jantung dalam Peringkat Akhir 2) Tuntutan pertama dan kedua bagi Strok dalam Peringkat Akhir 3) Tuntutan pertama dan kedua bagi Kanser dalam Peringkat Awal, Peringkat Pertengahan dan Peringkat Akhir (kecuali jika keadaan Kanser menjadi teruk dari Peringkat Awal menjadi Peringkat Pertengahan atau Peringkat Akhir; atau Peringkat Pertengahan menjadi Peringkat Akhir).	2 tahun
	Untuk beberapa tuntutan: Semua tuntutan antara kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Akhir	1 tahun

IL Premium Waiver on CI Rider	1) Kanser 2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3) Serangan Jantung 4) Penyakit Arteri Koronari Serius	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari
IL Premium Waiver Extra Rider	1) Kanser 2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3) Serangan Jantung 4) Penyakit Arteri Koronari Serius	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari
IL Payer Benefit Extra Rider	1) Kanser 2) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari 3) Serangan Jantung 4) Penyakit Arteri Koronari Serius	60 hari
	Semua Kejadian yang Dilindungi lain	30 hari

- Tempoh hidup – Manfaat akan dibayar jika hayat yang diasuranskan masih hidup sekurang-kurangnya tempoh hidup berikut selepas didiagnosis dengan suatu keadaan.

Nama Pelan	Keadaan	Tempoh Hidup
Smart Critical Relief	Semua kejadian (dari hari pertama kemasukan hospital)	14 hari
IL Critical Illness Plus Rider	Semua Kejadian yang Dilindungi	14 hari
IL LadyCare Rider	1) Kanser wanita 2) Karsinoma in situ pada payudara atau organ dalaman wanita 3) Lupus Erythematosus Sistemik dengan Lupus Nefritis	30 hari
Smart Multi Critical Care	1) Kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Akhir 2) Manfaat Pemulihan Diabetes 3) Quadriplegia Keseluruhan akibat Kecederaan Saraf Tunjang	14 hari
	Kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan	7 hari

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

6. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

Pelan Asas
<ul style="list-style-type: none"> Kematian yang berlaku dalam tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras. TPD yang sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian. TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras. TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa. TPD akibat hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan. TPD disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan. TPD akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

IL Hospitalisation Benefits Rider
<ul style="list-style-type: none"> Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri secara sengaja, ketika waras atau tidak waras. Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau penganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan. Daripada penglibatan hayat yang diasuranskan dalam komando atau tugas/ latihan pemusnahan bom. Penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa. Disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh hayat yang diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap. Di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan. Hidapan atau kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau

sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lelabah, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila hayat yang diasuranskan akan atau boleh memperoleh pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.

- Ketagihan alkohol, kemurungan, dadah haram, kemabukan, penyakit kelamin dan sekuelanya, kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran kandungan dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan dengan ketidaksuburan, Ketidafungsian erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- Sakit sedia ada.
- Sakit jiwa, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya).
- Sebarang rawatan atau ujian berkaitan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit dan semua penyakit yang berjangkit melalui kegiatan seksual.
- Kemasukan hospital terutamanya untuk tujuan pemeriksaan, diagnosis, pemeriksaan sinar-x, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan sebarang rawatan pencegahan, ubat atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh seorang pakar perubatan, dan rawatan khususnya untuk mengurangkan atau menambah berat badan.
- Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.

Smart Critical Relief

- Sakit sedia ada.
- Penyakit tertentu yang berlaku dalam masa 120 hari pertama dari tarikh risiko berkuat kuasa rider ini.
- Sebarang keadaan disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kecederaan yang dilakukan sendiri, penyakit atau percubaan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- Sebarang keadaan disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- Sebarang keadaan disebabkan hayat yang diasuranskan memandu kenderaan bermotor tanpa memiliki lesen memandu yang sah. Pengecualian ini tidak berkenaan jika hayat yang diasuranskan memiliki lesen memandu yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan daripada memegang atau memperoleh lesen memandu tersebut di bawah sebarang undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan.
- Sebarang keadaan disebabkan peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah atau penganas, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.
- Sebarang keadaan disebabkan secara langsung atau tidak langsung dengan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV), kecuali jangkitan HIV melalui transfusi darah dan HIV dijangkiti melalui pekerjaan.
- Sebarang keadaan disebabkan gangguan psikologi, kecelaruan personaliti, keadaan mental atau gangguan tingkah laku termasuk sebarang ketagihan atau kebergantungan yang timbul daripada gangguan tersebut, yang termasuk serta tidak terhad pada ketagihan judi atau permainan.
- Sebarang keadaan disebabkan penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- Sebarang keadaan disebabkan rawatan yang bertujuan untuk memperbaiki penampilan, seperti pembedahan kosmetik atau sebarang rawatan yang berkaitan dengan rawatan kosmetik terdahulu.
- Menjalani rawatan di luar negara kecuali rawatan yang dilakukan di Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Sebarang keadaan disebabkan kehamilan, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan. Ketidafungsian erektil dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan.
- Sebarang keadaan disebabkan rawatan untuk penyakit akibat hubungan seks.
- Sebarang keadaan disebabkan pembedahan tukar jantina.
- Sebarang keadaan disebabkan perubatan percubaan atau perubatan perintis atau teknik pembedahan, alatan perubatan yang tidak diluluskan dan ujian perubatan bagi produk perubatan sama ada ujian tersebut mempunyai sijil ujian klinikal atau tidak.
- Sebarang keadaan disebabkan rawatan alternatif atau tambahan termasuk perubatan tradisional Cina (TCM) atau menetap di mana-mana pertubuhan jagaan kesihatan bagi tujuan sosial atau bukan perubatan.
- Sebarang keadaan disebabkan radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.
- Sebarang keadaan yang telah didiagnosis secara langsung atau tidak langsung, disebabkan kecacatan atau penyakit kongenital, yang menunjukkan atau telah didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut.
- Sebarang kecacatan atau keabnormalan perubatan serta fizikal yang sedia ada semasa kelahiran atau berkembang dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelahiran.

<IL Critical Illness Benefit Rider/ IL Critical Illness Plus Rider/ Smart Early Payout CriticalCare>

- Sakit sedia ada.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

IL LadyCare Rider

- Sakit sedia ada.
- Sebarang keadaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung akibat kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras.
- Tiada tuntutan untuk pembedahan pembaikan semula muka dan/ atau rawatan kulit akan sah untuk kecacatan muka akibat daripada sebarang kecacatan fizikal atau kesihatan atau penyakit atau disebabkan secara langsung daripada suatu kemalangan yang sedia wujud pada tarikh keluaran polisi.
- Sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang atau mengelak daripada ditangkap.
- Kewujudan AIDS atau kehadiran sebarang jangkitan HIV.
- Alkohol atau penyalahgunaan/ ketagihan bahan.
- Kegagalan untuk mencari atau mengikut nasihat perubatan apabila:
 - hayat yang diasuranskan telah atau sedang menerima rawatan; atau
 - nasihat, diagnosis, jagaan atau rawatan perubatan telah disyorkan kepada hayat yang diasuranskan; atau
 - gejala yang jelas dan terang atau yang telah nyata; atau
 - kewujudan keadaan yang relevan adalah jelas kepada orang yang waras dalam keadaan itu.

Smart Multi Critical Care

- Sakit sedia ada.
- Sebarang keadaan disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- Sebarang keadaan disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- Sebarang keadaan disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- Sebarang keadaan disebabkan kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau kehadiran sebarang jangkitan virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) secara langsung atau tidak langsung, kecuali keadaan yang dilindungi dan ditakrifkan secara khusus dalam Takrif Kejadian yang Dilindungi dalam polisi ini, jika ada. Syarikat berhak meminta hayat yang diasuranskan untuk menjalani ujian darah bagi HIV sebagai syarat terdahulu sebelum penerimaan sebarang tuntutan HIV. Bagi tujuan polisi ini, jangkitan dianggap telah berlaku apabila ujian darah atau ujian lain yang relevan menunjukkan kewujudan virus HIV atau Antibodi terhadap virus tersebut berdasarkan pendapat Syarikat; atau
- Sebarang keadaan yang didiagnosis disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, keadaan kongenital atau kecacatan, yang dimanifestasikan atau didiagnosis sebelum hayat yang diasuranskan mencapai umur 17 tahun hari jadi berikut; atau
- Sebarang kejadian yang dilindungi dalam Peringkat Awal dan Peringkat Pertengahan yang disebabkan secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

IL Premium Waiver on CI Rider

- Sakit sedia ada.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- Kejadian yang Dilindungi disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

IL Waiver of Premium on TPD Rider

- TPD yang sedia wujud sebelum atau pada tarikh risiko berkuat kuasa.
- TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- TPD disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- TPD disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.

IL Premium Waiver Extra Rider

- TPD atau Kejadian yang Dilindungi sedia wujud sebelum atau pada tarikh risiko berkuat kuasa.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak

langsung, ketika waras atau tidak waras.

- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh hayat yang diasuranskan.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.

IL Payer Benefit Extra Rider

- Bunuh diri, ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 1 tahun dari tarikh risiko berkuat kuasa.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi sedia wujud sebelum atau pada tarikh risiko berkuat kuasa.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan pembayar melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang.
- TPD atau Kejadian yang Dilindungi disebabkan peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.
- TPD disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.

<IL Accidental Death and Dismemberment Benefits Rider/ IL Comprehensive Accident Benefits Xtra Rider>

- Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang dilakukan sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Penyakit badan atau gangguan mental atau fungsian atau sebarang jenis sakit atau penyakit, atau sebarang jangkitan, selain daripada jangkitan yang berlaku serentak dengan dan akibatnya belahan atau luka kemalangan.
- Gigitan nyamuk yang menyebabkan sebarang sakit serta tidak terhad pada demam denggi, malaria, ensefalitis virus atau jangkitan cacing seperti "Cacing Kerawit" dan reaksi alahan terhadap gigitan serangga.
- Peperangan atau sebarang tindakan perang, sama ada diisytiharkan atau tidak, aktiviti jenayah, bertugas secara aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata, penglibatan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekacauan awam atau pemberontakan.
- Daripada tindakan sebarang angkatan bersenjata, atau daripada kemalangan atau keganasan yang berlaku kerana kewujudan keadaan konflik bersenjata.
- Penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa.
- Disebabkan hayat yang diasuranskan melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang atau percubaan melanggar undang-undang oleh hayat yang diasuranskan atau mengelak daripada ditangkap.
- Di bawah pengaruh alkohol atau dadah melainkan atas arahan oleh pakar perubatan. Bagi mengelakkan keraguan, seseorang dianggap berada di bawah pengaruh alkohol jika hasil ujian pernafasan, darah atau air kencing melebihi had berikut:
 - 35 mcg alkohol bagi setiap 100ml pernafasan
 - 80 mg alkohol bagi setiap 100ml darah
 - 107 mg alkohol bagi setiap 100ml air kencing
- Kecederaan akibat daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), aktiviti atau sukan berbahaya yang melibatkan kelajuan, ketinggian, penggunaan tenaga fizikal yang tinggi, menggunakan kelengkapan khas atau lagak ngeri yang tidak terhad pada terjun lalaba, payung terjun, selam skuba, terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan kelengkapan pernafasan, sukan musim sejuk, Sukan Profesional dan aktiviti haram. Bagi mengelakkan keraguan, "Sukan Profesional" bermaksud terlibat dalam sebarang aktiviti fizikal secara profesional atau apabila hayat yang diasuranskan akan atau boleh menjana pendapatan atau ganjaran daripada penglibatan dalam aktiviti tersebut.
- Daripada kelahiran anak, kehamilan dan/atau sebarang komplikasi daripadanya.
- Radiasi pengionan atau pencemaran melalui radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau sisa nuklear daripada proses pembelahan nuklear atau daripada sebarang bahan senjata nuklear.
- Daripada penglibatan hayat yang diasuranskan dalam komando atau tugas/ latihan pemusnahan bom.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi bagi senarai penuh pengecualian di bawah pelan ini.

7. Bolehkah saya membatalkan pelan ini?

Membeli ILP dengan premium tetap adalah satu komitmen jangka panjang. Anda tidak dinasihatkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Namun, anda boleh membatalkan pelan ILP atau rider yang dilampirkan dengan memberi notis bertulis kepada Syarikat. Jika anda dapati dana yang dipilih tidak lagi bersesuaian, anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana.

8. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya / penama?

Anda hendaklah maklumkan kepada kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda / penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda / penama dengan sepatutnya.

9. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan pelan insurans berkaitan pelaburan serta insurans perubatan dan kesihatan, sila rujuk www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pernyataan, sila hubungi kami di:

GREAT EASTERN LIFE ASSURANCE (MALAYSIA) BERHAD (93745-A)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Menara Great Eastern
303, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur.

Tel : +603 4259 8888

Faks : +603 4259 8000

Customer Service Careline : 1300-1300 88

E-mel : wecare-my@greataeasternlife.com

10. Apakah jenis pelan lain yang serupa?

Sila semak dengan pengantara anda atau terus menghubungi Syarikat bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.

NOTA PENTING:

INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS DENGAN BERLANDASKAN PRESTASI YANG MENDASARI ASET DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA MESTILAH MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INSURANS BERKAITAN PELABURAN YANG DIPILIH MEMENUHI RISIKO DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. BAGI MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBAYAR PREMIUM TAMBAHAN SEBAGAI "PENAMBAHAN". PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. ANDA DIGALAKKAN UNTUK MELANTIK PENAMA DAN MEMASTIKAN PENAMA ANDA DIMAKLUMKAN BERKENAAN PELAN YANG ANDA BELI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS ANDA SERTA BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ANDA ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Syarikat atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Untuk maklumat berkenaan pemprosesan data peribadi dan hak anda ke atas data peribadi anda, sila rujuk Notis Perlindungan Data Peribadi yang dipaparkan dalam laman web greataeasternlife.com, atau dapatkan salinan dari Pegawai Perkhidmatan kami.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk dokumen ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada <dd/mm/yyyy>.